

Perdana Menteri tinjau Kedah Merlin Inn

ALUR SETAR, Isnin — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah melawat Kedah Merlin Inn, sebuah hotel bertaraf antarabangsa, di sini dalam lawatan peribadi mereka ke Kedah hari ini.

Mereka adalah orang kenamaan yang pertama mengunjungi hotel itu yang memulakan operasinya sejak 15 Mac lalu.

Pengurus Besar Hotel itu, Encik Mokhtar bin Khir menyambut ketibaan para pelawat istimewa itu serta membawa melawat ke pelbagai bahagian hotel baru itu.

Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah melawat bilik-bilik hotel, Restoran Bunga Emas, Dewan Persidangan Teratai, Coffee House Inai serta melihat pemandangan bandar Alur Setar dari tingkat paling atas.

Menurut Encik Mokhtar, hotel sembilan tingkat yang mempunyai 130 bilik itu akan dirasmikan oleh Sultan Kedah pada 23 Julai waktu perayaan Jubli Perak Baginda.

Datuk Seri Dr Mahathir ketika ditemui berkata, beliau gembira akhirnya bandar Alur Setar mempunyai hotel bertaraf antarabangsa.

"Saya yakin dengan adanya hotel seperti ini lebih ramai pelancong dan pengusaha yang akan datang ke Kedah."

"Ini sudah tentu bagus bagi Kedah kerana perniagaan dan pembangunan akan bertambah pesat," tambah beliau.

Encik Mokhtar pula berkata, beliau serta semua kakitangan hotel itu merasa bangga dengan kunjungan Datuk Seri Dr Mahathir dan isteri.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia